

19 DEC 2002

Mahathir-Harijadi/I

DR MAHATHIR SAMBUT HARIJADI KE 77 ESOK

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

KUALA LUMPUR, 19 Dis (Bernama) -- Pada usia kebanyakan orang terpaksa berpuas hati dengan gaya hidup yang lebih pelahan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyambut harijadi ke 77 esok, terus menimbulkan rasa hairan dengan kecergasannya dalam menunaikan tanggungjawab beliau kepada negara.

Pada hari sebelum harijadinya, Dr Mahathir sibuk dengan tugasnya seperti biasa. Beliau berada di Kuching, Sarawak untuk merasmikan persidangan perwakilan Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) sebelum ke Bintulu untuk merasmikan lapangan terbang baru bernilai RM385 juta di situ.

Walaupun harijadi beliau tidak diraikan dengan rasmi, Perdana Menteri mungkin menyambutnya bersama keluarga dan kemungkinan juga akan terbabit dalam majlis-majlis memotong kek "mengejut" di beberapa acara yang beliau hadiri di hari-hari akan datang.

Dan, memandangkan pengumuman Dr Mahathir bahawa beliau akan berundur daripada jawatan Perdana Menteri pada Oktober tahun depan, harijadi kali ini mungkin yang terakhir bagi beliau dalam jawatan itu.

Ketua kerajaan keempat Malaysia itu dilahirkan pada 20 Dis, 1925 di Kampung Seberang Perak di Alor Star, Kedah kepada Mohamad Iskandar dan Wan Tempawan Wan Hanafi. Beliau merupakan anak bongsu daripada sembilan adik beradik.

Tinjauan di salah sebuah daripada biografi beliau menjelaskan bagaimana Dr Mahathir yang pada mulanya bercita-cita untuk mengikuti jurusan undang-undang beralih kepada perubatan di Universiti Malaya Singapura, dengan lulus ijazah MBBS pada 1953.

Beliau kemudian mendirikan rumahtangga bersama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali pada 5 Ogos, 1956, dan dikurniakan lima orang anak. Pasangan itu kemudian mengambil dua lagi anak angkat.

Dr Mahathir memang dikenali sebagai orang pintar akal, rajin dan tidak

mudah putus asa semasa dari zaman muda lagi -- sifat-sifat yang terbukti sangat berguna di kemudian hari sebagai seorang pemimpin yang menyelamatkan negara daripada beberapa krisis.

Beliau juga seorang yang penuh belas kasihan dengan pelbagai kisah bagaimana beliau memberikan rawatan percuma kepada pesakit miskin di Klinik MAHA di Alor Star.

Dr Mahathir mengambil alih tampuk pemerintahan negara pada 16 Julai, 1981 dan sejak itu menjadi penggerak utama di sebalik pembangunan pesat dan pelbagai pencapaian cemerlang negara baik di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Beliaulah orang yang mencetuskan semangat "Malaysia Boleh" yang memberi harapan kepada setiap warga Malaysia bahawa mereka boleh mencapai apa yang mereka mahu selagi sanggup berusaha gigih baginya.

Dr Mahathir tidak menyembunyikan perasaan beliau terhadap bangsanya sendiri, dari masa ke masa beliau mengulangi perlunya orang Melayu mengurangkan pergantungan kepada kerajaan dalam bersaing dengan jayanya bersama bangsa-bangsa lain.

Para pelawat ke negara ini sering kali menyatakan rasa kagum mereka untuk melihat pelbagai kaum hidup bersama dalam keadaan harmoni, satu hakikat yang Dr Mahathir sering tekankan sebagai keperluan asas bagi Malaysia yang makmur dan berjaya.

Dan pada beliau, warga Malaysia menemui seorang pemimpin yang terpanggil untuk menyuarakan apa yang beliau percaya baik bagi negara seperti yang dapat dilihat dengan jelas dalam cara beliau membawa keluar negara daripada krisis kewangan 1997 dengan pendekatan yang digunakannya menyimpang jauh daripada amalan lazim.

Rakyat juga menganggap Dr Mahathir sebagai "jaguh" negara-negara membangun, yang berani menyuarakan rasa tidak puas beliau terhadap penguasaan barat dalam hal ehwal dunia, sebagai contoh, proses globalisasi kini yang dikuasai Utara.

Walaupun seringkali diperkecilkan oleh media asing, dunia nampaknya "menemui semula" Perdana Menteri, khasnya selepas serangan pengganas pada 11 Sept, 2001 di Amerika Syarikat.

Dengan persepsi negatif terhadap Islam dan ummah berleluasa

sekarang  
ini, ramai yang memanggil golongan Islam sederhana supaya tampil  
untuk  
membuktikan yang tindakan pengganas tidak menggambarkan Islam itu  
sendiri.

Dalam satu rencana yang disiarkan pada edisi 6 Dis International  
Herald  
Tribune, penulis Michael Backman berkata salah seorang daripada  
tokoh yang  
telah membuktikan kepada dunia bahawa sesebuah negara Islam boleh  
juga  
menjadi negara moden serta pro-pembangunan dan berpandangan luas,  
ialah Dr  
Mahathir.

Bagaimanapun, majoriti warga Malaysia sudah lama mengetahui  
keunggulan  
Perdana Menteri mereka.

-- BERNAMA

MAM MFJ PR